



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	9/12/2018

Dr Mahathir sah tak hadir sambutan

BH - 9/12/2018 m/s 12

➔ Kerajaan berbeza pendirian dengan SUHAKAM mengenai ICERD

Oleh Ahmad Suhael Adnan dan Fazrik Kamarudin
cnews@nstp.com.my

▮ Petaling Jaya

Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau tidak menghadiri sambutan Hari Hak Asasi Manusia 2018 anjuran Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) di Padang Timur, Petaling Jaya, hari ini.

Perdana Menteri berkata, kerajaan dan SUHAKAM berbeza pendirian berhubung isu ratifikasi Konvensyen Antarabangsa Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum (ICERD).

“Saya sudah putuskan kerajaan

tidak akan menerima (meratifikasi) ICERD. SUHAKAM pula mahu ICERD diterima, jadi macam mana saya mahu pergi,” katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Presiden Pakatan Harapan (PH) di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika ditanya sama ada akan hadir ke sambutan Hari Hak Asasi Manusia yang sambutannya akan diadakan hari ini, selepas ditangguhkan daripada jadual asalnya pada Sabtu.

Faktor keselamatan

Pengerusi SUHAKAM, Tan Sri Razali Ismail, semalam mengumumkan sambutan itu yang sepatutnya diadakan semalam ditangguhkan ke hari ini atas faktor keselamatan selepas menerima nasihat polis dan Pejabat Perdana Menteri.

Diminta mengulas penangguhan itu, Dr Mahathir berkata, pegawai polis terpaksa berpecah di dua lokasi jika sambutan Hari Hak Asasi Manusia diteruskan memandangkan himpunan membantah ICERD turut diadakan semalam.

“Oleh kerana kita takut perhim-

punan pertama (bantah ICERD) dihadiri ramai orang dan memerlukan pegawai polis yang ramai, sebab itu himpunan (SUHAKAM) ditangguh ke hari lain.

“Bukan kita larang nak adakan demonstrasi, tetapi kita minta supaya ditangguh ke hari lain supaya polis tak tertekan kerana pegawai mereka tak cukup untuk kawal himpunan yang besar,” katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohamad Fuzi Harun, berkata polis mengarahkan himpunan SUHAKAM itu ditangguhkan kerana ada risiko terhadap keselamatan Dr Mahathir kerana ia serentak dengan program bantah ICERD.

“Jika kedua-duanya diadakan serentak, dikhuatiri akan menimbulkan masalah keselamatan,” katanya ketika ditemui pada Majlis Berkhatan Perdana Polis Diraja Malaysia (PDRM) 2018, di Masjid Bukit Aman, di sini, semalam.

Mohamad Fuzi berkata, bentuk ancaman berkenaan tidak boleh didedahkan, namun polis memandang serius isu keselamatan negara, termasuk orang awam.